



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**UCAPAN**

**YBRS EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL AKREDITASI MS ISO/IEC 17024:2012**

**KEPADA**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB)**

**15 SEPTEMBER 2023**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Selamat Pagi & Salam Malaysia Madani

Yang Dihormati, Sr. Mohd Zaid Zakaria – Ketua Eksekutif CIDB  
Malaysia

Yang Berusaha, Ir. Raslim Salleh – Pengurus Besar Kanan, Sektor  
Personel Binaan

Tuan-tuan & puan-Puan, para hadirin sekalian,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah ke atas Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di atas kejayaannya mendapatkan akreditasi berdasarkan ISO/IEC 17024:2012 - *Conformity assessment — General requirements for bodies operating certification of persons*. Pengiktirafan akreditasi ini juga merupakan satu anjakan paradigma dalam sektor pembinaan di Malaysia.

Para hadirin sekalian,

Penganugerahan akreditasi ini juga merupakan satu pengiktirafan ke atas Jabatan Standard Malaysia (JSM) dalam usahanya mempertingkatkan penerimaan akreditasi di Malaysia terutamanya pihak berkuatkuasa. Penganugerahan akreditasi ini juga adalah simbolik kerjasama erat di antara JSM dan CIDB. Bermula dengan akreditasi anak syarikat CIDB, iaitu CIDB Holdings Sdn. Bhd. untuk pensijilan produk pada 3 September 2014, diikuti CREAM Certification Services, juga untuk pensijilan produk

pada 3 Ogos 2018. Kini, CIDB pula mendapat akreditasi bagi pensijilan individu. Secara tidak langsung, CIDB selaku penguatkuasa dalam sektor pembinaan mengiktiraf kepentingan akreditasi untuk mengeluarkan sijil berkaitan. Justeru, kejayaan CIDB adalah kejayaan buat JSM juga.

Untuk makluman, Malaysia merupakan penandatangan kepada *Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC) Mutual Recognition Arrangement (MRA)* bagi skop pensijilan individu sejak 21 Ogos 2021 dan penandatangan kepada *International Accreditation Forum (IAF) Multilateral Recognition Arrangement (MLA)* bagi skop yang sama sejak 12 Oktober 2021. Status penandatangan ini menunjukkan bahawa Malaysia melalui JSM telah dinilai oleh badan akreditasi serantau dan disahkan menjalankan aktiviti akreditasi setara dengan badan-badan akreditasi seluruh dunia. Ini menunjukkan pengiktirafan akreditasi CIDB sebagai sebuah badan pensijilan individu juga merupakan pengiktirafan bahawa sijil yang dikeluarkan CIDB ke atas personel bahan binaan adalah bertaraf dunia.

Tuan-tuan & puan-puan,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menekankan bahawa akreditasi bukan sahaja satu pengiktirafan tetapi juga merupakan komitmen. Akreditasi menunjukkan komitmen berterusan CIDB untuk beroperasi secara konsisten, secara tidak berkecuali dengan personel yang kompeten. Akreditasi membuktikan dedikasi CIDB untuk melahirkan individu yang kompeten dalam sektor pembinaan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di atas penganugerahan akreditasi berdasarkan ISO/IEC 17024. Pihak kami berharap pengiktirafan akreditasi ini akan mengukuhkan kerjasama di antara JSM dan CIDB. Semoga akreditasi ini merupakan usaha berterusan untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam bidang masing-masing.

Sekian, terima kasih.